



JABATAN AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

TEKS KHUTBAH

Tajuk :

RAMADAN, PEMERGIANNYA DITANGISI

Tarikh Dibaca :

26 RAMADAN 1440H/

31 MEI 2019M

Disediakan oleh :

**Cawangan Khutbah Dan Latihan
Bahagian Pengurusan Masjid
Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan**



RAMADAN, PEMERGIANNYA DITANGISI

31 Mei 2019M/ 26 Ramadan 1440H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي فَضَّلَ شَهْرَ رَمَضَانَ، وَفَرَّضَ صِيَامَهُ عَلَى أَهْلِ الْإِسْلَامِ وَالْإِيمَانِ. أَحْمَدُ
حَمْدًا كَثِيرًا طَبِيعًا مُبَارَّكًا فِيهِ يَمْلأُ الْمِيزَانَ.

أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، رَبُّ كُلِّ شَيْءٍ وَمَلِكُهُ وَهُوَ الْمَعْبُودُ
الْمُسْتَعَانُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، الْمَبْعُوثُ إِلَى النَّاسِ كَافَةً بِالدَّلِيلِ وَالْبُرهَانِ،
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى عَبْدِكَ وَرَسُولِكَ مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ أَهْلِ الْعِلْمِ وَالْعِرْفَانِ .
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ

وَأَنَّ أَسْتَغْفِرُوا رَبَّكُمْ ثُمَّ تُوبُوا إِلَيْهِ يُمْتَعَكُمْ مَنْعًا حَسَنًا إِلَى أَجَلِ مُسَمَّى وَيُؤْتَى كُلُّ ذِي فَضْلٍ

فَضْلَهُ، وَإِنْ تَوَلُّوْا فَإِنِّي أَخَافُ عَلَيْكُمْ عَذَابَ يَوْمٍ كَبِيرٍ ﴿٣﴾

Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,

Pada hari yang penuh keberkatan ini marilah kita tingkatkan ketakwaan kepada Allah SWT, menjunjung perintah-Nya dan meninggalkan larangan-Nya. Semoga dengan ibadah puasa yang kita laksanakan dapat membentuk takwa dan iman yang kukuh kepada Allah. Inilah yang akan menentukan bagaimana kesudahan kita di akhirat kelak untuk beroleh syurga yang penuh dengan kenikmatan.



Hari ini, kita telah hampir menuju ke penghujung Ramadan. Justeru, marilah kita mengambil pengajaran daripada bicara mimbar pada hari ini yang bertajuk : “**Ramadan, Pemergiannya Ditangisi**”.

Sidang Jemaah yang dimuliakan,

Setelah sebahagian besar hari-hari Ramadan kita tempuh, inilah masa yang paling sesuai untuk menilai semula sejauh mana kita memanfaatkannya. Realitinya, di saat ini terdapat dua golongan iaitu mereka yang bergembira dengan peluang yang masih ada untuk memperhebatkan amalan. Mereka bersungguh-sungguh memenuhi masa dengan melakukan kebaikan, kebijakan dan ibadah. Manakala golongan yang kedua pula bergembira menanti waktu ramadan pergi dan sekadar sibuk membuat persiapan syawal untuk dirai. Justeru, kita berada di pihak yang mana? Tidak mahukah kita menuai keredhaan dan keampunan Allah SWT seperti golongan pertama atau kita masih lagi leka seperti golongan kedua yang hanya menunggu berakhirnya ramadhan dan menantikan tibanya syawal untuk bergembira semata-mata?

Marilah kita bermuhasabah bersama sebelum berakhirnya Ramadan. Apa yang kita harapkan adalah supaya kesedaran dan keinsafan hadir dalam diri kita sebelum segalanya terlambat. Ingatlah, tiada siapa yang mampu memberi jaminan apakah masih diberi nikmat dipanjangkan umur untuk bertemu dengan Ramadhan yang akan datang. Imam al-Tabarani Rahimahullah telah meriwayatkan hadith daripada Jabir RA, Nabi SAW menceritakan bahawa Jibril AS pernah berkata:

يَا مُحَمَّدُ مَنْ أَدْرَكَ شَهْرَ رَمَضَانَ، فَقَاتَ، فَلَمْ يُغَفَّرْ لَهُ، فَأَدْخِلَ النَّارَ، فَأَبْعَدَهُ اللَّهُ



Bermaksud: “Wahai Muhammad, sesiapa yang berkesempatan menemui bulan Ramadan, lalu meninggal dunia, namun dosanya masih tidak diampunkan, maka dia dimasukkan ke dalam neraka, serta diajauhkan Allah (daripada rahmatNya).

Berada pada hari-hari akhir Ramadan, ramai yang telah membiasakan diri menyempurnakan ibadah-ibadah dalam bulan mulia ini. Kemanisan dan kelazatan dalam beribadah akhirnya dapat dirasa dan dinikmati. Nilai positif inilah yang menjadi penggerak untuk kita meraih keredhaan dan keampunan daripada Allah SWT. Allah SWT telah berfirman menerusi surah al-Ankabut, ayat 69:

وَالَّذِينَ جَاهُوا فِينَا لَنَهَدِيهِمْ سُبْلَنَا وَإِنَّ اللَّهَ لَمَعَ الْمُحْسِنِينَ



Bermaksud: “Dan orang-orang yang bersungguh-sungguh untuk (mencari keredhaan) Kami, benar-benar akan Kami tunjukkan kepada mereka jalan-jalan Kami. Dan sesungguhnya Allah benar-benar bersama dengan orang-orang yang melakukan kebaikan.”

Sedarlah, di saat kita menuju ke puncak tarbiyah Ramadan dalam keadaan aman dan harmoni di negara ini, masih terdapat di luar sana saudara segama kita yang masih lagi dizalimi dan diseksa saban hari tanpa mengenal erti belas kasihan. Malah masih ada yang terbelenggu dengan kemiskinan, kebuluran dan pelbagai beban kehidupan yang tidak berkesudahan. Ramadan bukan sahaja mengajar erti kelaparan dan kesusahan bahkan mengukuhkan rasa kesyukuran sehingga membentuk diri kita menjadi muslim yang taat kepada Allah SWT dan rasulNya.

Sidang jemaah yang dimuliakan,



Ramadan mempunyai tempohnya yang tertentu, sampai masanya ia akan berlalu pergi meninggalkan kita. Maka seharusnya kita memanjatkan kesyukuran kepada Allah SWT kerana telah memberikan kesempatan kepada kita untuk beribadah sepanjang bulan Ramadan kali ini. Kita berdoa mudah-mudahan Allah SWT memanjangkan umur kita untuk bertemu dengan Ramadan yang seterusnya.

Tanda bersyukur kepada Allah SWT itu ialah dengan meneruskan amalan kebaikan meskipun berada di luar bulan Ramadan. Ia sebagai bukti bahawa seseorang itu benar-benar beriman dan bertaqwa kepada Allah SWT. Jika di bulan Ramadan kita banyak membaca dan mampu mengkhatamkan al-Quran, maka begitulah sepatutnya pada bulan-bulan yang lain. Jika kita banyak bersedekah dalam bulan Ramadan, maka demikian jugalah pada bulan-bulan seterusnya. Ini kerana tawaran ganjaran berganda pada bulan Ramadan bukanlah matlamat terakhir amalan kita.

Justeru, pada hari-hari akhir Ramadan yang berbaki ini, marilah kita bulatkan tekad dan keazaman untuk memanfaatkannya sebaik mungkin. Pastikan kita dapat laksanakan solat Tarawih dan qiamullail pada hari terakhir ini meskipun dalam kesibukan membuat persiapan menjelang hari raya. Ingatlah, tawaran gandaan ganjaran Allah SWT masih berterusan selagi anak bulan Syawal belum kelihatan. Apabila menjelangnya 1 Syawal, marilah sama-sama kita pastikan bahawa takbir yang dikumandangkan adalah benar-benar membesarakan Allah SWT dengan penuh rasa syukur. Allah SWT telah menjadikan 1 Syawal sebagai hari raya kepada umat Islam. Ia simbolik bahawa kita telah kembali kepada fitrah asal kejadian manusia iaitu sebagai hamba kepada Allah.



Kaum Muslimin yang dikasihi sekalian,

Pada kesempatan ini juga, khatib ingin mengingatkan kepada para jemaah yang akan bermusafir pulang ke kampung halaman masing-masing. Sentiasalah kita mengamalkan sikap berhati-hati di jalan raya. Berhemah dan bersikap toleransi dengan pengguna kendaraan yang lain. Pastikan tahap kesihatan dalam keadaan baik, selenggara kenderaan sebelum memulakan perjalanan serta pastikan kediaman ditinggalkan dalam keadaan selamat. Inilah di antara langkah-langkah yang wajar kita lakukan bagi menjamin keselamatan sebelum berdoa dan bertawakal kepada Allah.

Dalam kita membuat persiapan Aidilfitri, jangan dilupakan insan-insan di sekeliling kita. Utamakanlah jiran tetangga mahupun kaum kerabat yang terdekat yang perlu dibantu dan disantuni. Masih ada dalam kalangan mereka yang menghadapi kehidupan susah apatah lagi tidak mampu untuk membuat persiapan menyambut hari lebaran. Justeru, bantulah mereka sedaya yang mampu. Alangkah indahnya Syawal jika kita dapat meraikan kegembiraannya bersama mereka yang memerlukan bantuan.

Di samping itu, jangan dilupakan kewajipan untuk menunaikan zakat fitrah sebelum tamat tempoh waktunya dan bayarlah melalui amil-amil zakat yang dilantik oleh Baitulmal atau Pusat Pungutan Zakat. Sepertimana Hadis yang diriwayatkan oleh Imam Al-Bukhari R.A daripada Ibnu Umar R.Anhuma berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَمَرَ بِزَكَاةِ الْفِطْرِ قَبْلَ خُروجِ النَّاسِ إِلَى الصَّلَاةِ

Maksudnya: Bahwasanya Nabi SAW menyuruh supaya dikeluarkan zakat fitrah sebelum orang ramai keluar untuk menunaikan solat (hari raya).



Sidang Jemaah yang dirahmati sekalian,

Mimbar ingin mengambil kesempatan yang masih ada untuk sama-sama kita renungi kesimpulan khutbah yang telah disampaikan :

Pertama : Bermuhasabah sebelum berakhirnya Ramadan akan memberi kesedaran dan keinsafan dalam diri kita.

Kedua : Ramadan bukan sahaja mengajar erti kelaparan dan kesusahan bahkan mengukuhkan rasa kesyukuran sehingga membentuk diri muslim yang taat kepada Allah SWT dan rasulNya.

Ketiga : Pastikan kita dapat laksanakan solat Tarawih dan qiamullail pada hari terakhir ini meskipun dalam kesibukan membuat persiapan menjelang hari raya.

Firman Allah SWT di dalam surah Yunus ayat 58 :

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
قُلْ يَقْضِيلَ اللَّهِ وَرَحْمَتِهِ فَإِذَا لَكَ فَلَيْفَرَحُوا هُوَ خَيْرٌ مِّمَّا يَجْمَعُونَ

58

Bermaksud : "Katakanlah (wahai Muhammad) "kedatangan Al-Quran itu adalah semata-mata dengan limpah kurnia Allah dan kasih sayangNya, maka dengan isi kandungan Al-Quran itulah hendaknya mereka bersukacita (bukan dengan yang lainnya), kerana ia lebih baik daripada apa yang mereka himpulkan dari segala benda dan perkara yang tidak kekal)".

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَآيَاتٌ كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرُ الْحَكِيمُ،
وَتَقْبَلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي



وَكُمْ وَبِجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فِيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ
وَيَا نَجَاهَةَ التَّائِيِّينَ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَلِي الصَّالِحِينَ وَنَاصِرِ الْمُظْلُومِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى النَّبِيِّ
الْأَمِينِ، صَفْوَةِ الْمُرْسَلِينَ وَإِمَامِ الْمُتَقِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ، وَعَلَى التَّابِعِينَ
وَمَن تَبَعَهُم بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهُدُ أَن لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، الْمَلِكُ الْحَقُّ الْمُبِينُ، وَأَشْهُدُ أَن سَيِّدَنَا
مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، الصَّادِقُ الْوَعُودُ الْأَمِينُ.

أَمَّا بَعْدُ، فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقْوَاهُ، وَحَافِظُوا عَلَى صَلَاةِ الْجَمَاعَةِ، وَكُونُوا
إِخْرَاجًا مُتَحَابِينَ فِي اللَّهِ. وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ بَدَأَ فِيهِ بِنَفْسِهِ، وَئِنَّ
إِمَلَائِكَتِهِ الْمُسِيحَةَ بِقُدْسِهِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى فِي مُحْكَمٍ تَنْزِيلِهِ:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَكِيَّتَهُ يُصْلِلُونَ عَلَى النَّبِيِّ يَتَأَمَّهَا الَّذِينَ إِذَا آمَنُوا صَلَوَاتُهُمْ وَسَلَامُهُمْ تَسْلِيمًا

56

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا
إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمَيْنِ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَحِيدٌ.



وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلُقَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيَّينَ : أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيًّا ، وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ سَائِرِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ ، وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَا مَعْهُمْ بِنَّكَ وَكَرِمَكَ وَإِحْسَانِكَ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ .

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ .

اللَّهُمَّ أَيْدِي بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَا وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةَ مَلِكَنَا كَبَاوَهُ دُولِي يَعِشْ مَهَا مُولِيَا سَرِيْ قَدْوَكَ بِكَيْنِدا يَعِشْ دَفْرَتَوَانِ اكْنُوغْ، السُّلْطَانُ عَبْدُ اللَّهِ رِعَايَاةُ الدِّينِ الْمُصْطَفَى بِاللَّهِ شَاهُ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانُ حَاجِ أَحْمَدَ شَاهُ الْمُسْتَعِينُ بِاللَّهِ .

وَكَذِلِكَ كَبَاوَهُ دُولِي يَعِشْ مَهَا مُولِيَا سَرِيْ قَدْوَكَ بِكَيْنِدا رَاجِ فَرْمَايِسُورِيِّ اكْنُوغْ، تُونِكُو (Tunku) حَاجِهِ عَزِيزَةُ أَمِينَةُ مِيمُونَةُ إِسْكَنْدَرِيَّةُ بِنْتِ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكِّلِ عَلَى اللَّهِ سُلْطَانِ إِسْكَنْدَرِ الْحَاجِ .

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوَزَرَاءَهُ وَقُضاةَهُ وَعَمَالَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ .

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيْزِيَا آمِنَا مُطْمَئِنًا، سَخَاءَ رَخَاءَ، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَآمِنٌ وَآمَانٌ، وَسَاءِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ .

اللَّهُمَّ أَعْرِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ وَحِينٍ، وَانْصُرْ مِنْ نَصَرَ الدِّينَ، وَاخْذُلْ مِنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ .

اللَّهُمَّ أَلِفَ بَيْنَ قُلُوبِنَا، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنَنَا، وَاهْدِنَا سُبُّلَ السَّلَامِ، وَنَجِنَّا مِنَ الظُّلُمَاتِ إِلَى النُّورِ، وَجَنِبَنَا الْفَوَاحِشَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، وَبَارِكْ لَنَا فِي أَسْمَاعِنَا، وَأَبْصَارِنَا،



وَقُلُوبِنَا، وَأَزْوَاجِنَا، وَذُرِّيَّاتِنَا، وَتُبْ عَلَيْنَا إِنَّكَ أَنْتَ التَّوَابُ الرَّحِيمُ، وَاجْعَلْنَا شَاكِرِينَ لِنَعْمَكَ، مُشْتِينَ بِهَا عَلَيْكَ، قَالِيلِنَ لَهَا وَأَتْقَاهَا عَلَيْنَا. رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَةِ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ

وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ٩٠

فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاسْكُرُوهُ عَلَى نِعْمَهِ يَزْدَكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.